

16/08/2003

Petronas edar 500,000 Jalur Gemilang

KUALA LUMPUR: Petronas akan menyerahkan 500,000 Jalur Gemilang kepada penunggang motosikal yang menggunakan stesen servis syarikat minyak itu sempena Kempen Sambutan Kemerdekaan ke-46 bersama Petronas.

Kempen itu dirasmikan Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin di Esplanade KLCC di sini, semalam.

Pada majlis itu, Azizan turut menyumbangkan RM2 juta iaitu kos 500,000 Jalur Gemilang kepada Majlis Paralimpik Malaysia.

Sebahagian Jalur Gemilang itu termasuk banting pelbagai saiz akan diserahkan kepada 352 sekolah terpilih di seluruh negara.

Bagi menyemarakkan kempen berkenaan, Petronas menyusun pelbagai acara bagi memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan ke-46 tahun ini.

Ia termasuk Program Jelajah Merdeka 2003 oleh PWM yang akan dilancarkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor.

Program itu menyaksikan 500 motosikal berkuasa tinggi menjelajah seluruh negara bermula dari ibu negara ke Sabah dan Sarawak kemudian kembali semula ke Semenanjung sebagai menanam semangat patriotisme orang ramai.

Program Jelajah Merdeka 2003 akan diakhiri dengan penyerahan Jalur Gemilang oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 31 Ogos ini.

Sempena sambutan tahun ini juga, Petronas sekali lagi menganjurkan Konsert Merdeka KLCC 2003 dengan kerjasama KLCC, Astro dan penaja bersama ExxonMobil.

Konsert yang bakal menghiburkan orang ramai pada 30 Ogos ini mulai jam 9 malam, menampilkan artis popular seperti Siti Nurhaliza, Melly Goeslaw, Ella, Jamal Abdillah, VE, Ruffedge, Ferhad dan pelajar Akademi Fantasia.

Acara kemuncak konsert itu ialah pertunjukan bunga api tepat jam 12 tengah malam.